

JPM dengar pandangan pelbagai pihak

ISU ICERD

SHAH ALAM - Jabatan Perdana Menteri (JPM) mengadakan pertemuan dengan beberapa pihak malam kelmarin, bagi membincangkan isu berkaitan Konvensyen Antarabangsa Mengenai Penghapusan Segala Bentuk Diskriminasi Kaum (ICERD).

Menterinya, Datuk Seri Dr Mujahid Yusof Rawa berkata, pertemuan bersama 34 orang mewakili 10 petubuhan bukan kerajaan (NGO) Islam, wakil mahasiswa, ahli akademik serta peguam berlangsung hampir tiga jam di Masjid Tuanku Mizan Zainal Abidin, Putrajaya.

Mujahid berkata, pertemuan itu berlangsung secara



harmoni dengan semua pihak melontarkan pandangan, cadangan dan ada juga yang menyatakan kebimbangan sekiranya Malaysia meratifikasi ICERD.

"Saya mendengar dengan teliti dan amat menghargai

Saya mendengar dengan teliti dan amat menghargai segala input diberi semua pihak yang hadir pada malam tadi (kelmarin)."

- Dr Mujahid

segala input diberi semua pihak yang hadir pada malam tadi (kelmarin).

Antara rumusan yang boleh saya buat berhubung pertemuan itu ialah tiada sesiapa mahu menggadaikan prinsip negara serta menjejaskan

agama Islam sebagai identiti negara ini," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Mujahid berkata, selaku menteri yang bertanggungjawab dalam hal ehwal Islam, pertemuan itu akan dibawa kepada pihak berkaitan.

"Ia selari dengan pendirian Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad supaya rundingan dilakukan terlebih dahulu sebelum menandatangani ICERD," katanya.

Sebelum ini, beberapa pihak menyatakan kebimbangan mengenai ICERD kerana dibimbangi akan mengganggu gugat Perlembagaan Persekutuan sekiranya kerajaan meratifikasinya.